



03 Jan 2019  
Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Ekonomi • Page: 40 • Printed size: 136.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 2,713.00  
Item ID: MY0034738691

 isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.



MARK O'DELL

## Mark O' Dell CEO pertama LIAM

**KUALA LUMPUR 2 Jan.**

- Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) melantik Mark O'Dell sebagai ketua pegawai eksekutifnya (CEO) yang pertama, berkuat kuasa hari ini.

O'Dell yang merupakan penduduk tetap Malaysia, mempunyai pengalaman lebih 38 tahun dalam perniagaan insurans hayat, baru-baru ini bersara sebagai CEO Manulife Insurance Bhd. pada 30 Oktober 2018, selepas memegang jawatan itu selama lima tahun.

Dalam kenyataan hari ini, Presiden LIAM, Anusha Thavarajah berkata, pelantikan O'Dell bertujuan meningkatkan lagi komitmen persatuan itu dalam mengambil tanggungjawab dan cabaran baharu dalam mentransformasi industri insurans hayat ke tahap lebih tinggi.

"Dengan mempunyai CEO sepenuh masa yang membawa bersama-sama pengalaman luas dan kepakaran dalam industri itu, LIAM akan berada di landasan lebih baik untuk memacu aspirasi negara bagi meningkatkan kadar penerokaan insurans hayat, mengurangkan jurang perlindungan dan meningkatkan tahap kepuasan pelanggan.

"Paling penting, LIAM dapat memainkan peranan berpengaruh untuk menyokong pembinaan negara dan menambah baik kualiti kehidupan rakyat Malaysia," katanya. - BERNAMA



03 Jan 2019

Utusan Malaysia, Malaysia

Author: No author available • Section: Ekonomi • Page: 40 • Printed size: 136.00cm<sup>2</sup>  
Region: KL • Market: Malaysia • Photo: Full Color • ASR: MYR 2,713.00  
Item ID: MY0034738691



[isentia.mediaportal](https://www.isentia.com.my)

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 2 of 2

## SUMMARIES

### MARKO'DELL

KUALA LUMPUR 2 Jan. - Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) melantik Mark O'Dell sebagai ketua pegawai eksekutifnya (CEO) yang pertama, berkuat kuasa hari ini. O'Dell yang merupakan penduduk tetap Malaysia, mempunyai pengalaman lebih 38 tahun dalam perniagaan insurans hayat, baru-baru ini bersara sebagai CEO Manulife Insurance Bhd. pada 30 Oktober 2018, selepas memegang jawatan itu selama lima tahun.